

Qalam

137, Rejab 1381, Disember 1961, 60 sen

Melayu Raya Berjaya

Negara Kesatuan Melayu Raya yang meliputi Persekutuan Tanah Melayu, Singapura, Sarawak, Brunei dan Borneo Utara akan selamat tercipta dalam tahun 1962 yang akan datang.

Demikian diisytiharkan oleh Tengku Abdul Rahman Putra Perdana Menteri Persekutuan Tanah Melayu dari London yang telah berjaya dalam perundingan peringkat pertama dengan kerajaan British baharu-baharu ini.

Dengan lahirnya negara Kesatuan Melayu Raya kelak, menjadikan negeri-negeri dan daerah-daerah Melayu yang menjadi anggota dan selama ini masih terjajah akan dapat mencapai kemerdekaannya dengan lebih cepat lagi, dan akan mempunyai hak yang sama dalam negara Kesatuan yang baharu itu.

((Melayu Raya)) bukan sahaja akan merupakan sebuah negara yang besar dan berpengaruh di Tenggara Asia tetapi juga akan menjadi sebuah benteng yang kukuh untuk membendung bahaya komunis daripada berkembang dan merosakkan keamanan dan ketenteraman tanah air kita yang dikasihi ini.

Rakyat Singapura, sebagaimana juga rakyat tanah-tanah jajahan yang lain, yang menjadi anggota negara Melayu Raya dengan jalan bercantum dengan Persekutuan Tanah Melayu, sudah tentu menyokong penuh dan akan berjuang terus untuk menjayakan rancangan Melayu Raya yang dipandang sebagai satu rahmat dan sebagai satu kejayaan yang besar.

Rakyat Singapura, yang sekian lama menderita akan pahit maung penjajahan, dan sekian lama terancam dan sedang diancam oleh bahaya komunis, sudah tentu menyokong penuh percantuman dengan Persekutuan Tanah Melayu dalam negara Kesatuan Melayu Raya yang bakal lahir itu.

Hanya Percantuman dengan Persekutuan Tanah Melayu dalam negara Kesatuan Melayu Raya sahaja yang dapat memerdekakan Singapura (dan lain-lain wilayah Melayu yang menjadi anggota) dengan segeranya, dan dapat membendung bahaya komunis, serta dapat pula menjamin keselamatan ekonominya daripada hancur lebur.

Memandang kepada jumlah kerusi untuk Singapura yang ditentukan hadnya dalam parlimen Persekutuan kelak, dan memandang kepada jumlah besar orang-orang Melayu dan orang-orang asli dalam wilayah-wilayah Melayu di Borneo yang akan bercantum serentak bersama-sama Singapura dengan Persekutuan Tanah Melayu dalam negara Kesatuan Melayu Raya yang dirancangkan itu, maka nyatalah tidak ada sebab yang menjadikan PAS (Persatuan Islam Se-Tanah Melayu) berasa bimbang, dan tidak kena pada tempatnya ia menolak Kesatuan Melayu Raya yang sekian lama menjadi

idaman.

Kita percaya PAS akan mengubah sikapnya dan akan segera menyokong penuh rancangan negara Kesatuan Melayu Raya yang makin sehari makin nyata faedahnya dan nilainya.

Barisan Sosialis Singapura, dan lain-lain anasir Komunis di Singapura, di Persekutuan Tanah Melayu dan di wilayah-wilayah Melayu di Borneo, yang sedang bertindak hendak menggagalkan rancangan Melayu Raya, yang sebenarnya adalah didorong oleh kesedaran mereka bahawa dengan terbentuknya negara Melayu Raya kelak maka cita-cita mereka hendak menjadikan Singapura dan lain-lain wilayah-wilayah Melayu sebagai negara Komunis akan gagal dan hancur.

Soal ((Kerakyatan Kelas Dua)) dan soal

pangkalan tentera dan lain-lain masalah yang mereka sengaja kemukakan untuk mengelirukan fikiran rakyat tentang percantuman adalah menjadi dalil tentang niat mereka dan cita-cita mereka hendak mengkhianati cita-cita rakyat yang hendak memecahkan belenggu penjajahan dan hendak membina negara, bangsa, bahasa dan agama dengan aman damai dan makmur.

Kita percaya, rakyat yang sedar, yang ingin merdeka sebagai satu bangsa yang besar dan berdaulat, tidak akan dapat dipengaruhi oleh propaganda Komunis dan boneka-boneka Komunis yang hendak menegakkan negara komunis di tanah air kita yang tercinta.

Tahun 1962 ialah tahun yang bersejarah, tahun lahirnya negara Kesatuan Melayu Raya yang menjadi lambang perpaduan, dan menjadi benteng yang kebal dari bahaya Komunis, musuh kita bersama.



Murid-murid dari al-Faṣl al-Thānī, Madrasah 'Arabiyah Pasir Mas Kelantan, bergambar untuk kenangan

kerana mengucapkan selamat berpisah kepada gurunya Ustaz Aziz Ahmad (duduk di tengah-tengah), yang akan melanjutkan

pelajarannya ke Universiti Al- Azhar. (Kiriman Jalaluddin Fahmi)